



TEKS UCAPAN

**TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI
TIMBALAN YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MEI
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN
TAHUN 2024**

27 MEI 2024 | ISNIN

8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS

Terima kasih, saudara dan saudari pengacara majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Selayangku Sayang dan Salam Malaysia MADANI

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas segala nikmat dan rahmat yang telah dikurniakan kepada kita. Kerana dengan keizinan dan kurnia-Nya, kita diberi peluang dan kesempatan untuk berkumpul bersama-sama dalam suasana yang penuh bermakna pada pagi ini pada sempena Majlis Perhimpunan Bulan Mei Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2024.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Audit Dalam yang merupakan hos majlis perhimpunan pada kali ini.
3. Terima kasih juga atas kehadiran semua warga MPS, semoga kita sama-sama memperoleh keberkatan dan rahmat dari Allah SWT.
4. Minggu ini merupakan minggu terakhir bulan Mei dan kita akan memasuki pertengahan tahun 2024. Tempoh ini adalah titik masa yang penting dalam takwim di setiap jabatan di MPS kerana ianya mengingatkan kita bahawa setengah tahun daripada tahun 2024 ini telah berlalu dan kita perlu memfokuskan kepada perancangan kerja yang telah kita sasarkan namun belum dilaksanakan.
5. Jadi, setiap jabatan perlu memastikan apa yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan segera dan jangan tunggu saat-saat akhir di hujung tahun.
6. Dalam melaksanakan tugas seharian kita juga, suka saya ingatkan agar kita semua untuk pastikan kita mematuhi garis panduan dan juga peraturan yang telah ditetapkan.

7. Ini kerana sebagai penjawat awam, amat penting untuk kita memupuk nilai integriti dan juga tatakelola yang baik dalam diri kita bagi menjaga nilai-nilai ketulusan dalam setiap urusan kerajaan yang dilaksanakan.
8. Menyentuh tentang nilai integriti dan tatakelola, Jabatan Audit Dalam yang merupakan hos perhimpunan kita pada hari ini, saya perlu memainkan peranan yang penting untuk membantu kita semua bagi memastikan perkara ini dapat dicapai.
9. Sepanjang tahun 2023, Jabatan Audit Dalam telah melaksanakan sebanyak 13 tajuk pengauditan. Tajuk-tajuk pengauditan yang dipilih melibatkan skop yang besar dan melibatkan pelbagai jabatan.
10. Namun begitu, saya faham ketika proses pengauditan ini dilaksanakan kadang kala ada timbul salah faham di kalangan kita bahawa audit yang dilaksanakan hanya mencari kesalahan semata-mata. Ingin saya perbetulkan di sini, pengauditan yang dijalankan bertujuan untuk memastikan jabatan yang diaudit menjalankan tugas dengan mematuhi prosedur kerja yang telah ditetapkan. Selaras dengan pepatah:

“Membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul”

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PENILAIAN SEMULA CUKAI TAKSIRAN

11. Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengeluarkan notis senarai nilai baharu kepada semua pemilik pegangan dalam kawasan Majlis pada 1 April 2024 melibatkan 230,000 pegangan. Notis ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

12. Sehubungan itu, saya menyarankan warga kerja MPS dapat membantu mewar-warkan perkara ini kepada warga Selayang melalui media sosial masing-masing. Pemilik harta boleh membuat bantahan dengan mengimbas Kod QR yang disertakan dalam Notis Menyemak Senarai Nilai Baharu atau memuat turun borang bantahan dari laman web rasmi MPS di alamat url www.mps.gov.my dan di hantar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta melalui emel yang telah dinyatakan.

13. Penduduk atau pemilik yang menerima Notis Menyemak Senarai Nilai Baharu MPS diberi tempoh sehingga **31 Mei** ini untuk membuat bantahan kadar cukai taksiran.

PENYAMPAIAN ANUGERAH REWARD YDP TAHUN 2023

14. Pada hari ini juga akan turut diumumkan penerima Anugerah '*Reward*' Yang Dipertua bagi tahun 2023. Terdapat 2 kategori iaitu kategori peningkatan imej dan kategori pengurangan kos dan tingkatkan kecekapan.
15. Anugerah ini diberikan berdasarkan pencapaian yang diperolehi mengikut kategori iaitu sebanyak satu hingga lima bintang. Sebanyak 28 penerima akan membawa pulang wang tunai berjumlah RM 1,000.00 hingga RM 5,000.00 berserta sijil penghargaan dan undangan jamuan makan bersama VVIP dan VIP.
16. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah '*Reward*' YDP pada kali ini. Penerima yang dipilih ini merupakan kumpulan atau individu yang telah berjaya mengharumkan nama MPS sama ada di peringkat kebangsaan hingga peringkat antarabangsa. Di samping itu juga, anugerah '*Reward*' ini turut diberikan kepada jabatan yang telah berjaya meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos melalui projek-projek yang telah dijalankan.
17. Justeru saya menyeru semua warga MPS untuk terus sentiasa berusaha supaya kejayaan demi kejayaan akan

dapat dicapai dan nama baik MPS dapat dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

**PERSEDIAAN LAWATAN OLEH PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI PENILAIAN
PENGAUDITAN PENSIJILAN SEMULA EKSA SECARA DIY**

18. Di kesempatan ini saya ingin maklumkan bahawa MPS akan menghadapi lawatan Penilaian Pengauditan Pensijilan Semula EKSA secara DIY oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada **29 hingga 31 Julai 2024**.
19. Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah bagi memastikan MPS dapat mengekalkan pensijilan EKSA kategori cemerlang sebagaimana sijil yang telah diperolehi pada tahun 2022.
20. Secara keseluruhannya, MPS masih kekal dan berjaya mengamalkan EKSA dan mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Namun begitu, beberapa penambahbaikan segera perlu dilaksanakan oleh beberapa jabatan bagi memastikan kecemerlangan EKSA di MPS dapat dikekalkan.

21. Sebagai persediaan awal, Pasukan Audit Dalam EKSA MPS telah melaksanakan '*Mystery Shopping*' pada 6 Mei 2024 yang lalu dan seterusnya, pengauditan Audit Dalam EKSA akan dilaksanakan pada 5 Jun hingga 13 Jun 2024 melibatkan 11 zon EKSA MPS.
22. Sehubungan dengan itu, saya amat mengharapkan kerjasama dan komitmen daripada semua warga kerja MPS untuk menjadikan EKSA sebagai satu amalan yang berterusan bagi membolehkan kita mencapai keputusan kategori cemerlang sekali lagi pada tahun ini.

PROGRAM PEMENTORAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

23. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Bahagian Latihan Dan Kompetensi, Jabatan Khidmat Pengurusan akan menganjurkan Program Pementoran Perkhidmatan Awam Tahun 2024 dimana program ini bertujuan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional oleh mentor kepada mentee dari aspek pembangunan diri serta membantu untuk mengembangkan potensi diri mentee.
24. Program pada tahun ini melibatkan seramai dua puluh tiga (23) orang pegawai iaitu sepuluh (10) orang Mentor dan tiga belas (13) orang Mentee. Program ini mensasarkan penglibatan

Mentor dan Menti daripada kakitangan kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan kakitangan kumpulan Sokongan I.

25. Program ini akan dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan bermula bulan Jun hingga Disember 2024 mengikut fasa perhubungan Mentor dan Menti yang ditetapkan. Tahniah diucapkan kepada yang pegawai yang telah terpilih.

PENUTUP

ISU PALESTINE

26. Akhir sekali, sebagaimana yang kita maklum apa yang terjadi di Palestine bermula pada bulan Oktober tahun lalu masih belum selesai sehingga kini. Marilah kita sama-sama terus berdoa agar isu ini dapat segera diselesaikan dan ditangani dengan sebaiknya dan rakyat Palestine mendapat pembelaan sewajarnya.
27. Semoga saudara-saudara Islam kita di sana sentiasa dilindungi Allah hendaknya.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassala mualaikum warrahmatullahi wabarakatuh....

Sekian, terima kasih.